

Emosi Dalam Lagu Bertemakan Hari Raya Aidil Fitri

Hishamudin Bin Isam^{1*} dan Mohammad Haris Abd Aziz²

¹Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah

²Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan menganalisis unsur emosi dalam lagu, dengan memfokus kepada aspek pemilihan kata dan elemen muzik yang melatari unsur emosi melalui aplikasi tempo bagi sesebuah lagu bertemakan hari raya. Menerusi data sebanyak 120 buah lagu bertemakan hari raya yang diwakili oleh dua (2) kelompok zaman utama, iaitu kelompok zaman 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015, analisis pemilihan kata dijalankan dengan membandingkan unsur emosi bertemakan *gembira* dan *sedih* berdasarkan analisis korpus, manakala elemen muzik pula dianalisis dari segi penggunaan tempo (*beat per minute*) pada setiap gubahan lagu yang ditemukan. Dapatan kajian membuktikan bahawa, pemilihan kata untuk menggambarkan emosi *gembira* lebih mendominasi lagu bertema hari raya era 1950-an hingga 1980-an berbanding dengan era 1990-an hingga 2015, yang lebih menekankan kekerapan pemilihan kata beremosi *sedih*. Manakala analisis aspek elemen muzik pula menunjukkan bahawa, muzik dengan tempo laju menguasai lagu bertemakan hari raya era 1950-an hingga 1980-an, sesuai dengan emosi *gembira* yang diserlahkan, manakala muzik dengan tempo perlahan mendominasi lagu bertemakan hari raya era 1990-an hingga 2015 untuk menggambarkan emosi *sedih*. Dapatan ini menunjukkan bahawa unsur emosi telah berjaya diserlahkan dalam lagu bertemakan hari raya berdasarkan aspek pemilihan kata dan elemen muzik yang melatarnya.

Kata Kunci: hari raya, pemilihan kata, lirik, elemen muzik, tempo

Emotions In Hari Raya Aidil Fitri-Themed Songs

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

hin@uum.edu.my (Hishamudin Bin Isam)

mharis@uum.edu.my (Mohammad Haris Abd Aziz)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

The present paper thus aims to analyze the emotional elements of hari raya-themed songs by focusing on aspects of diction and elements of music which underpin the emotional elements via the tempo of a particular hari raya song. The extrapolated data of 120 hari raya-themed songs were grouped into two (2) categories of time period, which were the period of 1950-1980 and also 1990-2015. The analysis was done by comparing the emotional elements of happy and sad using corpus analysis, while the elements of music were analyzed via the

tempo (beat per minute) of the identified composed songs. The findings prove that the diction to portray the happy emotion dominate the hari raya-themed songs for the 1950-1980 period, as opposed to the 1990-2015 period, which frequently utilizes the sad emotion. On the other hand, the analysis of the elements of music shows a domination of fast tempo hari raya songs between 1950-1980, which suits the projection of the happy emotion, whilst slow tempo songs dominate the hari raya-themed songs for the 1990-2015 period, depicting the sad emotion. These findings show that the elements of emotions have been successfully depicted in hari raya-themed songs based on the underpinning aspects of diction and the elements of music.

Keywords: Hari raya, diction, lyrics, elements of music, tempo

PENGENALAN

Sambutan Hari Raya Aidil Fitri merupakan perayaan umat Islam yang diraikan dengan penuh kemeriahan. Keadaan ini bertepatan dengan makna Aidil Fitri itu sendiri yang bermaksud kegembiraan yang berulang atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah (Wan Mohd Hazim Wan Mohd Hashim, 2012). Konsep *aid* dan *fitri* yang terkandung dalam frasa Aidil Fitri tersebut bermaksud mengembalikan kita kepada fitrah atau kesucian. Sesuai dengan konsep tersebut, elemen emosi sering dikaitkan dengan sifat ‘kembali kepada fitrah / asal / kesucian’ kerana emosi yang bersifat kejiwaan mampu menyerlahkan unsur kembali kepada fitrah yang sebenar.

Menurut Emmerling dan Goleman (2003), emosi merujuk kepada suatu perasaan dan fikiran yang khas, bersifat biologis dan psikologis, serta mampu mendatangkan kecenderungan untuk bertindak. Emosi juga merupakan reaksi terhadap rangsangan dari luar dan dalam diri individu (McCraty, Atkinson, Tiller, Rein, & Watkins, 1995; Shaver, Morgan, & Shelley Wu, 1996; Ververidis & Kotropoulos, 2006; Pool, Brosch, Delplanque, & Sander, 2016). Emosi, baik dalam keadaan gembira, sedih atau bercampur baur, boleh dimanifestasikan dalam pelbagai keadaan. Kesan biologis dan psikologi yang terhasil berupaya mengubah suasana hati seseorang seperti riang dan tertawa apabila gembira, serta menangis apabila berada dalam keadaan sedih (Santangelo, 2002; Kaplan, Ilse Van Damme, Levine, & Loftus, 2015).

Oleh sebab sifatnya yang mudah merangsang unsur biologis dan psikologis, maka emosi sering menjadi taruhan oleh pengkarya dalam menyerlahkan sisi seninya. Sebagai contoh, pengkarya seni menggunakan kemahirannya untuk mengungkapkan unsur emosi dalam lagu (irama dan lirik) ciptaannya untuk menggambarkan perasaannya. Sebagai pendengar pula, emosi yang terkandung dalam sesebuah lagu mampu menarik perhatian sehingga memberikan kesan kepada dirinya (Norshafawati, Asiah, & Fuziah Kartini, 2010). Keadaan ini menjadikan seni (dalam kajian ini, seni yang dirujuk ialah seni muzik) sebagai suatu wadah untuk memanipulasikan unsur emosi. Keadaan ini dikukuhkan oleh pernyataan Bernstein dan Picker (1972) yang menyifatkan muzik sebagai bunyi-bunyi yang berorganisasi dalam waktu dan memiliki nilai seni serta dapat digunakan sebagai alat untuk mengekspresikan idea dan emosi daripada komposer kepada pendengarnya.

LAGU BERTEMAKAN HARI RAYA DAN KESAN EMOSI

Penciptaan lagu bertemakan hari raya ialah satu contoh kelangsungan daripada cara

pengkarya seni mewarnai sambutan hari raya. Irama yang mendayu, lirik yang puitis yang menggambarkan kemenangan, suasana sambutan bersifat kedesaan, serta kemeriahan sambutan yang dimanifestasi berdasarkan bait-bait lirik dan muzik yang diketengahkan, menjadikan lagu-lagu raya, khususnya lagu raya ciptaan 1960-an hingga 1980-an bersifat malar segar dan terus diminati, berbanding dengan lagu-lagu bertemakan hari raya ciptaan baharu (tahun 2000-an). Kebanyakan lagu ini dikatakan mampu mengusik emosi pendengar (Sharil Nizam Sha'ri, 2013). Namun persoalannya, apakah emosi yang mendominasi kebanyakan lagu bertemakan Hari Raya Aidil Fitri, dan apakah elemen muzik yang melatari kebanyakan unsur emosi dalam lagu tersebut? Untuk menjawab persoalan tersebut, makalah ini dihasilkan bertujuan untuk menganalisis unsur emosi dalam lagu bertemakan hari raya, dengan memfokus kepada aspek pemilihan kata dalam lirik lagu dan elemen muzik yang melatari unsur emosi melalui aplikasi tempo bagi sesebuah lagu bertemakan hari raya.

Lirik ialah puisi pendek yang mengekspresikan emosi (Whitman, 2005). Setiap lirik mengandungi kata-kata yang dipilih oleh pengkarya, sesuai dengan elemen muzik yang mendasarinya. Penghasilan lirik memerlukan pemilihan kata yang sesuai bagi sesebuah lagu. Hal ini demikian kerana bahasa lirik merupakan bahasa sastera yang jauh berbeza dengan bahasa ilmiah mahupun bahasa komunikasi seharian (Mokoo Awe, 2003). Dalam susunan lirik, kata memainkan peranan yang amat penting untuk menonjolkan keistimewaan sesebuah lagu, khususnya untuk menggambarkan suasana serta maksud (tersurat/tersirat) pengkarya melalui luahan hasil pengalaman dan emosinya. Lirik yang baik ialah lirik yang berjaya menyerlahkan emosi pengkarya yang disusun secara puitis, kerana lirik merupakan ekspresi seseorang tentang suatu hal, situasi, keadaan yang sudah dilihat, didengar maupun dialaminya (Rahmat Hidayat, 2014).

Sementara itu, elemen muzik berdasarkan tempo atau ukuran kelajuan sesebuah dendangan lagu mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri. Menurut Abdurrahman (2007), tempo ialah ukuran kecepatan dalam rentak dan irama lagu. Aplikasi tempo terhadap gubahan lagu menyumbang kepada latar suasana lagu tersebut sama ada berbentuk keriahan dan kegembiraan ataupun berlatarkan suasana sedih, pilu mahupun duka. Hal ini bersamaan dengan pandangan Kamien (1992:41) yang mengatakan “*a fast tempo is associated with feeling of energy, drive, and excitement. A slow tempo often contributes to solemn, lyrical, or calm mood*”. Keadaan ini dapat membuktikan bahawa tempo muzik yang perlahan, lambat, pantas atau berentak laju mampu mempengaruhi gubahan dan penciptaan lirik dan bahasa sesebuah lagu bertemakan Hari Raya. Hal ini kerana tempo atau ukuran sesebuah alunan lagu mempunyai sifat dan suasananya yang tersendiri. Penulisan lirik yang sesuai amat penting untuk menunjukkan kolaborasi mantap dari segi dinamik antara lirik dengan genre muzik yang melatarinya. Keberadaan tempo (*beat per minute*) dalam sesebuah gubahan lagu akan menyumbang tenaga yang dapat dirasakan secara langsung oleh pendengar sehingga mewujudkan emosi yang berbeza-beza seperti gembira atau sedih (Scherer, & Zeniner, M. 2001).

ASAS PENELITIAN

Berpaksikan kedua-dua fokus yang diteliti dalam kajian ini, iaitu aspek pemilihan kata dalam lirik dan elemen muzik yang mendasari sesebuah lagu, kupasan kajian dirungkai melalui perbandingan pemilihan kata berkaitan emosi yang berunsur kegembiraan dan

kesedihan. Selain itu, kajian turut merungkai teknik penghasilan muzik berlandaskan penggunaan tempo yang mempengaruhi suasana (*mood*), gambaran serta perasaan yang disampaikan menerusi gubahan lirik lagu Hari Raya yang diteliti, untuk menggambarkan emosi yang diekspresikan.

Kajian digerakkan dengan mengumpulkan lagu-lagu bertemakan Hari Raya berbahasa Melayu yang dirakam sejak 1950-an hingga 2015. Jumlah lagu terkumpul dikelaskan mengikut kelompok era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015. Pengelompokan kepada dua era ini dibuat berdasarkan pertimbangan bahawa kedua-dua kelompok dilatari oleh genre muzik yang hampir sama. Seterusnya, hanya 60 buah lagu ciptaan terbaharu dipilih mewakili setiap kelompok era atau zaman tersebut. Pilihan dilakukan kerana jumlah penghasilan lagu pada setiap kelompok era adalah tidak seimbang dan terdapat pengulangan terbitan lagu yang sama serta nyanyian semula pada setiap kelompok era atau zaman. Sebanyak 60 buah lagu ciptaan baharu yang mewakili kelompok zaman, iaitu antara era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015 dianalisis secara berasingan untuk menonjolkan sifat dominan pemilihan kata yang sering digunakan, berserta elemen muzik (tempo) yang mempengaruhi emosi bagi ciptaan lagu tersebut.

KAEDAH KAJIAN

Analisis dibahagikan kepada dua (2) bentuk kajian, iaitu mengkategorikan jumlah pemilihan kata dalam lirik, dan mengenal pasti elemen muzik melalui istilah tempo yang mempengaruhi lirik dan kejiwaan lagu, sehingga mampu menyerlahkan emosi tertentu.

Analisis pemilihan kata dibuat berdasarkan aplikasi analisis korpus dengan menggunakan perisian *AntConc* (carian senarai kata atau *word list*) bagi proses penjumlahan kekerapan kata bertemakan latar suasana. Penemuan kekerapan kata kemudian dikategorikan kepada dua (2) pecahan tema utama emosi berkaitan suasana sambutan Hari Raya, iaitu tema emosi *gembira*, dan emosi *sedih*. Manakala elemen muzik dianalisis dengan cara mendengar dan mengenal pasti kesemua tempo (*beat per minute*) lagu yang diperoleh dengan menggunakan alat ukuran kecepatan yang dinamakan *metronome*. Menurut Kamien (1992:42) “*the metronome setting indicates the exact number of beats per minute. For example, andante (moderately slow) might be represented by the metronome 60 and allegro (fast) by the number 116*”. Dapatan elemen muzik (tempo) lagu tersebut diperjelas melalui prinsip Teori Muzik yang dipraktikkan oleh pawai dan peraturan hukum muzik global. Untuk perincian, berikut disertakan tatacara analisis yang dijalankan.

1. Analisis Pemilihan Kata

Analisis pemilihan kata dibuat berdasarkan tatacara berikut:

- a. Pengelasan zaman perkembangan lagu hari raya di Malaysia mengikut kelompok era.

Pengelasan era dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana perbandingan penggunaan lirik berunsurkan kegembiraan dan kesedihan diserapkan dalam setiap penciptaan lagu-lagu Hari Raya serta elemen muzik yang mendukungi setiap ciptaan lagu tersebut pada kelompok era/zaman tersebut. Pengelasan juga dilakukan untuk mengenal pasti jumlah

sebenarnya penghasilan lagu pada setiap kelompok zaman bermula 1950 hingga 2015 (dan dikelompokkan menjadi dua kumpulan besar, iaitu 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015)

JADUAL 1

Koleksi lagu bertemakan Hari Raya 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015

1950-an – 1980-an	1990-an - 2015	JUMLAH
105 buah lagu baru	118 buah lagu baru	223 buah Lagu baru

Pengumpulan lagu-lagu baharu menunjukkan perbezaan dari segi jumlah penghasilan lagu bertemakan Hari Raya. Perbezaan ini semakin ketara apabila terdapat pengulangan terbitan dan nyanyian semula lagu pada hampir setiap era. Gubahan lagu tersebut mempunyai kelainan dari segi lirik, tempo dan genre muzik yang melatarinya. Contoh lagu *Dendang Perantau* oleh P. Ramlee pada 1950-an dan *Dendang Perantau* oleh Kumpulan Kristal pada 2010.

- b. Pengelompokan jumlah penghasilan lagu baharu kepada dua (2) kelompok era/zaman

Setiap kelompok era diwakili oleh 60 buah lagu baharu. Pengelasan ini diwujudkan untuk memberikan fokus penelitian kepada lagu ciptaan baharu sahaja (lagu terbitan semula, walaupun wujud perubahan lirik dan susunan muzik tidak diambil kira). Pemilihan 60 buah lagu baharu bagi setiap kelompok era juga dilakukan untuk memudahkan data dianalisis secara adil dan seimbang.

JADUAL 2

Sasaran penghasilan lagu baharu mengikut empat (4) kelompok era/zaman

1950-an – 1980-an	1990-an - 2015	JUMLAH
60 buah lagu baru	60 buah lagu baru	120 buah lagu baru

- c. Pengumpulan data kekerapan lexis berdasarkan analisis korpus

Analisis pemilihan kata dalam lirik lagu yang menonjolkan unsur emosi dibuat dengan mengaplikasikan kaedah analisis korpus. Untuk tujuan tersebut, kajian ini menggunakan aplikasi perisian *AntConc* (Laurence Anthony's Website, 2000) untuk memperoleh senarai kata (*word list*) yang terkandung dalam keseluruhan lirik lagu. Pemilihan kata berunsur emosi dikelompokkan dalam tema "suasana" yang dikategorikan kepada dua (2) gambaran latar emosi, iaitu *S1 Gembira*, dan *S2 Sedih*. Pemilihan dua emosi (*gembira* dan *sedih*) dibuat berasaskan pertimbangan bahawa kedua-dua emosi tersebut ialah emosi asas yang mampu membiakkan subemosi lain (Ekman, 1992). Hasil kekerapan kata yang diperoleh seterusnya dikumpulkan mengikut kelompok era/zaman 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015 seperti dalam Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3

Jumlah kekerapan kata bertemakan “Suasana” yang membawa unsur emosi

Kekerapan leksis ↓	Tema suasana		
	<i>Suasana (S1) Gembira</i>	<i>Suasana (S2) Sedih</i>	Jumlah leksis
(1950-an – 1980-an)			
Kekerapan	159	84	243
(1990-an - 2015)			
Kekerapan	116	141	257
Jumlah	275	225	500

2. Analisis Elemen Muzik (Tempo)

Analisis elemen muzik diproses menerusi penggunaan tempo berdasarkan prinsip teori muzik yang diakui oleh pawaian dan peraturan hukum muzik global (Kamien, 1992). Aplikasi tempo penting terhadap ukuran emosi sesebuah lagu kerana elemen tempo dapat menyumbang kepada latar suasana lagu sama ada berbentuk keriang dan kegembiraan ataupun berlatarkan suasana sedih, pilu dan duka. Analisis ditempo dijalankan dengan menggunakan perisian *metronome* (MetronomeOnline, 2015) untuk mengukur tahap kelajuan sesebuah lagu. Jadual 4 di bawah menunjukkan aplikasi istilah muzik yang menerangkan jenis tempo, sifat serta ukuran dan momentum sesebuah lagu berdasarkan gaya muziknya yang tersendiri dari perspektif ukuran *metronome*.

JADUAL 4

Istilah tempo dan sifatnya terhadap lagu.

Tempo	Sifat	Nilai kecepatan
grave	lambat, berat, tenang dan sopan	(40-44)
largo	lambat, lebar, dan luas	(44-48)
lento	lambat	(50-54)
adagio	lambat, lebih lambat dari andante	(54-58)
largetto	lambat, lebar, tidak selambat largo	(58-63)
adagietto	lambat, tidak selambat adagio	(63-69)
andante	sedang, langkah santai	(69-76)
andantino	lebih cepat dari andante	(76-84)
maestoso	agung, penuh kemuliaan	(84-92)
moderato	sedang, lebih cepat dari andante	(92-104)
allegretto	mirip namun tidak secepat allegro	(104-112)
animato	penuh semangat	(116-126)
allegro	riang, cepat	(126-138)
assai	(allegro assai) sangat; amat; banyak	(138-152)
vivace	hidup, lincah, cepat	(152-168)
vivace quasi presto	sangat vivace	(168-176)
presto	sangat cepat	(176-192)
prestissimo	paling cepat	(192-208)

(Sumber: Disesuaikan daripada Kamien, 1992)

DAPATAN KAJIAN

Berikut disertakan dapatan kajian yang berupa hasil penelitian terhadap analisis pemilihan kata dan elemen muzik bagi lagu bertemakan hari raya untuk kelompok era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015.

1. Hasil Penelitian Analisis Pemilihan Kata

Secara umumnya, hasil dapatan menunjukkan, aspek pemilihan kata dibuat bersesuaian dengan tema latar suasana yang dapat menyerlahkan unsur emosi, sama ada gembira atau sedih. Secara khususnya pula, hasil analisis menunjukkan dapatan yang menarik untuk dibincangkan.

a. Dapatan senarai pemilihan kata dan jumlah kekerapan.

Jadual 5 di bawah menunjukkan pemilihan kata bertemakan suasana yang menyerlahkan unsur emosi (*gembira* dan *sedih*) yang tersenarai dan digunakan dalam lirik lagu bertemakan hari raya. Pengelasan dua kelompok era dapat menunjukkan jenis kata yang digunakan untuk menyerlahkan unsur emosi *gembira* dan *sedih*.

JADUAL 5

Perbandingan pemilihan kata tema suasana beremosikan *gembira* dan *sedih*

1950-1980					1990-2015				
Era	Suasana 1 (Gembira)	bil	Suasana 2 (Sedih)	bil	Era	Suasana 1 (Gembira)	bil	Suasana 2 (Sedih)	bil
50-an - 60-an	bahagia	28	duka	5	90-an - 2010	bahagia	12	rindu	16
	gembira	15	berduka	4		gembira	11	sendirian	6
	bergembira	10	kenanganku	4		bergembira	7	derita	4
	bersuka	10	musnahlah	4		raikan	4	sayu	4
	ria	8	perantau	4		riang	4	airmata	4
	berseri	5	rindu	3		berbahagia	4	sedih	3
	riang	5	berdukalah	2		ria	4	diperantauan	2
	merayakan	3	bermuram	2		ceria	3	rindukan	2
	berbahagia	3	dikenang	2		riangnya	3	deritanya	2
	joget	2	dirindu	2		ketawa	2	ditangisi	2
	menghibur	2	perpisahan	2		merayakan	2	duka	2
	tawa	2	sengketa	2		tawa	2	pilu	2
	bersukaria	1	sunyi	2		meraikannya	2	menitis	2
	bertepuk	1	terharu	2		berhibur	1	syahdu	2
	bertemasya	1	terkenang	2		semeriah	1	sepi	2
	hiburan	1	berdukacita	1		gembiranya	1	mendayu	1
	ketawa	1	berselubung	1		menari	1	berlinangan	1
			bersendirian	1				pedihnya	1
			mengenang mu	1				hiba	1
			Jumlah	98				Jumlah	46
	gembira	14	rindu	8			merintih	1	
	bahagia	10	sedih	4			menderita	1	
	ria	6	terkenang	3			menyepi	1	
	bergembira	5	airmata	3			termenung	1	
	riang	5	menangis	2			kesedihan	1	
						berjauhan	1		

70-an - 80-an	berbahagia	3	kerinduan	2				terkenang	1
	suka	3	berlinang	1				ingatan	1
	bersukaria	2	bersendirian	1				yatim	1
	meraikan	2	duka	1				sunyi	1
	meriah	2	sayu	1				sengsara	1
	bersuka	2	kesepian	1				nasibku	1
	bertemasya	1	lamunan	1				merindukan	1
	menyanyi	1	mengenangkan	1				perantau	1
	seronoknya	1	menyentuh	1					
	girangnya	1	perpisahan	1		Jumlah	48	Jumlah	75
	terhibur	1	rayuan	1		gembira	12	kenangan	8
	Menghiburkan	1	teringat	1		oh yeah...	6	rindu	8
	meraikannya	1	kesedihan	1		uu yeahh...	6	hiba	4
			rantauan	1		raikan	8	sayu	4
			sedihnya	1		wowoah..	6	duka	3
		simpati	1	yeyeyahh...	6	luka	3		
		kedukaan	1	bergembira	4	merantau	3		
Jumlah	61	Jumlah	38	hooray...	4	merinduimu	3		
JUMLAH BESAR	159		84	bersuka	2	sepi	3		
Keputusan hasil analisis <ul style="list-style-type: none"> ✓ Era 1950-1980 menunjukkan kekerapan pemilihan kata suasana gembira yang tinggi dalam penulisan lirik berbanding dengan era 1990-2015. ✓ Era 1990-2015 lebih menekankan kekerapan pemilihan kata suasana sedih dalam penulisan lirik berbanding dengan era 1950-1980, 				2011 - 2015	gelak	2	sunyi	3	
					keriangan	2	syahdu	3	
					ketawa	2	terkenang	3	
					ria	2	airmata	2	
					riang	2	merindui	2	
					happy	1	noda	2	
					kegembiraan	1	redha	2	
					kesukaan	1	syahdunya	2	
					memeriahkan	1	tangisan	2	
					bahagia	7	kuharungi	1	
					berbahagia	2	kupasraahkan	1	
							menggamit	1	
							menyendiri	1	
							nestapa	1	
							pusara	1	
Jumlah	68	Jumlah	66						
JUMLAH BESAR	116		141						

Dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 5 menyerlahkan perbandingan pemilihan kata yang dihasilkan dalam penciptaan lirik lagu Hari Raya sepanjang zaman (era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015). Dapatan kajian membuktikan bahawa, pemilihan kata untuk menggambarkan emosi *gembira* lebih mendominasi lagu bertemakan hari raya era 1950-1980 berbanding dengan era 1990-2015, yang lebih menekankan kekerapan pemilihan kata beremosi *sedih*. Secara tidak langsung, perbezaan jumlah

angka yang diperoleh pada setiap kelompok era menggambarkan pemilihan kata yang lebih diutamakan oleh pengkarya untuk menterjemahkan dan menggambarkan latar suasana sambutan Hari Raya yang menyerlahkan unsur emosi terhadap dua (2) kelompok zaman/era tersebut.

b. Dapatan perbandingan pemilihan kata dua (2) kelompok zaman yang utama, iaitu antara 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015.

Pemilihan kata berdasarkan latar suasana dengan emosi *gembira* (S1) pada kelompok zaman/era 1950-an hingga 1980-an dilihat lebih dominan digunakan dalam proses penciptaan lirik lagu Hari Raya berbanding dengan kelompok zaman 1990-2015. Ini menunjukkan bahawa pemahaman dan penghayatan pencipta lirik terhadap tema sebenar perayaan Hari Raya pada era 1950-an hingga 1980-an lebih cenderung mengajak pendengar untuk bergembira menyambut perayaan ini. Namun sebaliknya, dapatan kajian Jadual 5 mendapati bahawa, suasana dengan emosi *sedih* (S2) pada kelompok era 90-an hingga 2015 masing-masing menunjukkan kekerapan kata yang sangat tinggi berbanding dengan tema kegembiraan. Penulis lirik dilihat lebih cenderung menzahirkan perasaan sedih, pilu dan hiba dalam lirik untuk menterjemahkan latar suasana Hari Raya. Keadaan ini tentunya memberikan kesan kepada pendengar kerana permainan bahasa, gaya bahasa, makna kata dan diperkuat dengan unsur elemen muzik yang disesuaikan dengan tema lirik lagu mampu membuat pendengar terbawa-bawa dengan emosi yang cuba disampaikan oleh pengkarya (Mokoo Awe, 2003).

Walaupun didominasi oleh unsur emosi *sedih*, masih terdapat lagu bertema hari raya era 1990-an hingga 2015 yang mengungkap emosi *gembira*, namun diinterpretasi dengan cara yang berbeza melalui pemilihan kata yang berunsur santai dan *catchy*. Kedua-dua unsur tersebut diserlahkan dengan kecenderungan menggunakan kepelbagaian kata seru (*interjection*) seperti *oh yeah*, *uu yeahh*, *wowoah*, *yeyeyahh*, dan *hooray*, yang merujuk kepada emosi gembira (menyerlahkan perasaan teruja, ghairah, dan girang). Penggunaan kata-kata ini diserapkan ke dalam lirik lagu untuk menjelmakan keterujaan cara baharu dalam menzahirkan emosi gembira dan keseronokan yang tidak terhingga menjelang ketibaan dan sambutan Hari Raya. Hasil kajian turut mendapati bahawa, pemilihan leksis bahasa asing semakin menjadi perhatian dan gaya masa ini (*trend*) kebanyakan pengkarya. Sebagai contoh, lagu *Next Aidilfitri* oleh Bittersweet, *Joget Selfie Raya* oleh L'Zzay, *Hooray Raya* oleh Aizat dan *Raya Oh Yeah* oleh Yuna memperlihatkan kecenderungan pencipta lagu memilih leksis bahasa asing (bahasa Inggeris) dalam penghasilan lirik lagu Hari Raya.

Contoh lirik 1

Joget Selfie Raya (L'Zzay)

Bila tibanya hari raya
Semuanya gigih nak bergaya
Cantik berkebaya segak bercelana
Manis sekali si hijabista
Oh... Ohh...

Gincu si dara hai merah menyala
Dah macam Wak Doyok kumis si teruna
Bersama keluarga ramai-ramai melawa
Gara-gara nak berselfieraya

Sanak saudara hai tua dan muda
Gila-gila bergaya selamba
Sahabat juga hai jiran tetangga
Kekasih hati pun turut sama
Tapi janganlah leka
Biar berpada-pada
Upload nanti letaklah *#throwback*raya

Mintak kak
Nak *selfie* satu
Sebelum upload jangan lupa edit dulu
Letak *hashtag* #ootd baju baru

Andai pernah adanya sengketa
Sila *unblock* hati bersihkan jiwa
Bermaafanlah kita kerna kutertanya
Tertanyakan khabarmu di sana

Oh... Ohh...
Di kala gembira di hari mulia
Beringatlah juga pada yang tiada
Bila sampai masa untuk ke pusara
Berdoalah jangan berselfie pula

Sanak saudara hai tua dan muda
Gila-gila bergaya selamba
Sahabat juga hai jiran tetangga
Kekasih hati pun turut sama

Tapi janganlah leka
Biar berpada-pada
Upload nanti letaklah *#throwback*raya

Sambil-sambil makan #kuihraya
Koyak poket kena bagi #duitraya
Memang nasihat #mohonterasa
Kunyanyikan seloka #instaraya
Ku ucapkan #selamathariraya

2. Hasil Penelitian Analisis Elemen Muzik (Tempo)

Hasil pemerhatian analisis elemen muzik (tempo) turut menemukan dapatan yang menarik untuk dibincangkan. Secara khusus, berikut dipaparkan Jadual 6 yang menjelaskan perbandingan penggunaan tempo dalam penghasilan lagu bertemakan hari raya dalam dua (2) kelompok era/zaman (1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015).

JADUAL 6

Perbandingan penggunaan tempo dalam penghasilan lagu Hari Raya pada dua (2) kelompok era/zaman

Tempo	Sifat	Nilai kecepatan	(1950-an – 1980-an) 60 buah lagu	(1990-an - 2015) 60 buah lagu
grave	lambat, berat, tenang dan sopan	(40-44)		
largo	lambat, lebar, dan luas	(44-48)		2
lento	lambat	(50-54)		4
adagio	lambat, lebih lambat dari andante	(54-58)	3	4
largetto	lambat, lebar, tidak selambat largo	(58-63)		4
adagietto	lambat, tidak selambat adagio	(63-69)	1	1
andante	sedang, langkah santai	(69-76)	7	11
andantino	lebih cepat dari andante	(76-84)		
maestoso	agung, penuh kemuliaan	(84-92)	5	
moderato	sedang, lebih cepat dari andante	(92-104)	5	10
allegretto	cepat tetapi tidak secepat allegro	(104-112)	4	
animato	penuh semangat	(116-126)	5	
allegro	riang, cepat	(126-138)	18	14
assai	(allegro assai) sangat; amat; banyak	(138-152)		
vivace	hidup, lincah, cepat dan girang	(152-168)	11	11
vivace quasi presto	sangat vivace	(168-176)		
presto	sangat cepat	(176-192)	1	
prestissimo	paling cepat	(192-208)		

 Kategori Tempo Lambat
 Kategori Tempo Laju

Melalui Jadual 6 di atas, dapat dikatakan, pengkarya mengaplikasikan penggunaan tempo dalam sesebuah lagu (berdasarkan kecepatan atau kelambatan) untuk menimbulkan kesan dan suasana yang dapat membangkitkan emosi terhadap diri pendengar. Ukuran tempo (*beat per minute*) ini penting agar alunan muzik yang dihasilkan dapat menzahirkan perbezaan suasana (*mood*) dan emosi, iaitu *gembira* mahupun *sedih* (McKinney & Moelants, 2006). Dapatan daripada Jadual 6 menunjukkan bahawa, penghasilan lagu berentak laju, pantas dan cepat banyak dihasilkan pada kedua-dua kelompok zaman tersebut, dengan ukuran laju dikelaskan bermula daripada ukuran tempo *Moderato* (92-104), *Allegretto* (104-112), *Animato* (116-126), *Allegro* (126-138) dan *Vivace* (152-168). Namun secara rinci, didapati bahawa ukuran laju yang dinyatakan lebih banyak digunakan dalam penghasilan lagu hari raya pada kelompok zaman 1950-an hingga 1980-an berbanding dengan kelompok zaman 1990-an hingga 2015 (44 berbanding dengan 35). Penelitian mendapati bahawa, kecenderungan menghasilkan lagu bertempo lambat dilihat meningkat pada kelompok zaman 1990-an hingga 2015.

Menariknya, corak pengkaryaan elemen muzik bagi lagu bertemakan hari raya era 1990-an hingga 2015 telah berubah apabila ditemukan lagu yang menggunakan muzik bertempo laju (tempo *Vivace*), tetapi mengaplikasikan pemilihan kata beremosi sedih

(berlawanan dengan konsep tempo dalam muzik). Sebagai contoh, lagu *Ku Pohon Doa Di Hari Raya* oleh Liza Hanim, 2013, memperlihatkan penggunaan kata-kata sedih dalam keseluruhan liriknya. Namun, olahan muzik (tempo) yang melatari lagu tersebut didengar kurang menonjolkan kesan kesedihan serta impak suram kepada pendengar kerana tempo (kelajuan lagu) *Vivace* mempunyai sifat-sifat pantas, riang dan gembira. Ini membuktikan bahawa aplikasi dan pemilihan tempo yang tidak sesuai dalam penghasilan lagu hari raya sangat mempengaruhi penciptaan lirik. Maka kedengaran rentak dendangan lagu ini seperti berlatarkan suasana gembira kerana sifat tempo *Vivace* (152-168) yang pantas, cepat dan riang mengatasi luahan kata dalam lirik yang cuba disampaikan.

Contoh lirik 2

Ku Pohon Doa Di Hari Raya – Liza Hanim

Di pagi syawal menjelang
Takbir bergema di sana sini
Diriku termenung seorang
Terkenang kekasihku

Jauh hilang entah di mana
Kau berada

Titisan air mata sedih
Mengalir membasahi pipi
Teringat kenangan kembali
Ketika bersamamu
Perasaan merintih pilu mendayu-dayu

Ampun maaf zahir dan batin
Ku pinta duhai kekasihku
Usah kau menyepi
Ku pohonkan doa restumu
Agar tenangkan perasaan di jiwaku
Walaupun kini ku tak bersama denganmu
Menyambut hari yang mulia tanpamu

Inilah lumrah dunia
Insan bahagia dan derita
Ku bermohon pada yang esa
Semoga dikau bahagia
Selamat... Selamat...
Selamat hari raya

KESIMPULAN

Analisis perbandingan pemilihan kata berkonsepkan suasana dengan unsur emosi *gembira* dan *sedih* dalam sesebuah penciptaan lagu hari raya dapat dijelaskan berdasarkan penemuan jumlah kekerapan kata yang dikumpulkan melalui kaedah analisis korpus. Sebagai rumusan, maka boleh dikatakan, aspek dominan yang mendorong pemilihan kata yang ditemukan menunjukkan perbandingan yang ketara

dalam penekanan suasana bertemakan kegembiraan dan kesedihan antara dua (2) peralihan zaman tersebut. Sementara itu, pengaruh elemen muzik yang dirungkai melalui penjelasan sifat *tempo* yang mempengaruhi dendangan lagu bertemakan Hari Raya sepanjang zaman turut memperlihatkan kaitan antara lirik, tempo dan emosi yang mendasari sesebuah lagu. Berpaksikan dapatan kajian ini, perbandingan penekanan tema suasana dengan unsur emosi *gembira* dan *sedih* dapat dikenal pasti melalui dapatan kekerapan penggunaan lexis dan pengaruh elemen muzik yang dilihat dari segi *tempo* (ukuran kelajuan lagu). Dapatan ini menunjukkan bahawa unsur emosi telah berjaya diserlahkan dalam lagu bertema hari raya berdasarkan aspek pemilihan kata dan elemen muzik yang melatarinya.

BIBLIOGRAFI

- Abdurrahman. (2007). *Analisis pengaruh lirik, tempo dan durasi music terhadap performansi kerja di CV Nassty Indonesia*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Jurusan Teknik Industri, Institut Teknologi Nasional, Bandung, Indonesia.
- Ayu Widyowati Arya, Caecilia Sri Wahyuning, Arie Desrianty. (2014). Analisis pengaruh tempo dan genre musik terhadap kewaspadaan pengemudi mobil pribadi. *Jurnal Online Institut Teknologi Nasional*, No.03, Vol.02.
- Bernstein, M & Picker, M. (1972). *An introduction to music*. New York: Prentice Hall.
- Cantor, J. R. & Zillmann, D. (1973). The effect of affective state and emotional arousal on music appreciation. *Journal of General Psychology*, 89, 97-108
- Ekman, P. (1992). An argument for basic emotions. *Cognition and emotion*, 6, (3/4), 169-200.
- Emmerling, R. J., & Goleman, D. (2003). *Emotional intelligence: issues and common misunderstandings*. The Consortium for Research on Emotional Intelligence in Organizations. Capaian Mei 2016, daripada http://www.eiconsortium.org/pdf/EI_Issues_And_Common_Misunderstandings.pdf
- DJohan. (2003). *Psikologi Musik*. Yogyakarta: Buku Baik.
- Hermina Sutami. (2006). Ungkapan Emosi dan Keadaan Fikiran Kaum Miskin: Analisis Teks Senyum Karyamin Karya A. Tohari. *Jurnal Bahasa* Jilid 6 Bil. 2.
- Juslin, P.N. & Sloboda, J.A. (ed.) (2001) *Music and emotion: Theory and research*. Oxford: New York : Oxford University Press.
- Kamien, R. (1992). *Music an appreciation*. (5th ed.). New York: Mc Graw-Hill, Inc.
- Kaplan, R. L., Ilse Van Damme, Levine, L. J, & Loftus, E. F. (2015). Emotion and false memory. *Emotion Review*, 8 (1), 8–13.
- Koleksi Mega album Hari Raya. Seri Bahasa. Capaian Oktober 2012, daripada <http://www.seribahasa.com/2012/10/koleksi-mega-album-hari-raya.html>
- Laurence Anthony's Website. (2000). A freeware concordance program for Windows, Macintosh OS X, and Linux. From <http://www.antlab.sci.waseda.ac.jp/software.html>. Retrieved February 13, 2012.
- Loh P. K. (1991). *A handbook of music theory*. Kuala Lumpur: Penerbit Muzikal.
- Lydon, M. (2004). *Songwriting Success: How to write songs for fun and (maybe) profit*. London: Routledge.
- McCraty, R., Atkinson, M., Tiller, W. A., Rein, G., & Watkins, A. D. (1995). The effects of emotions on short-term power spectrum analysis of heart rate variability. *The American Journal of Cardiology*, 76 (14), 1089–1093
- McKinney, M. F., & Moelants, D. (2006). Ambiguity in tempo perception: What draws listeners to different metrical levels?. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*, 24(2), 155-166.
- MetronomeOnline. (2015). Highly accessible version of metronome. Capaian Mei, 2016, daripada <http://a.bestmetronome.com/>

- Mokoo Awe. (2003). *Fals: Nyanyian di tengah kegelapan*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji, & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2010) Muzik dan pembangunan sosial: Paparan dasar industri hiburan dalam akahbar akhbar di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 26 (2), 47-6.
- Peterik, J., Austin, D., & Bickford, M. E. (2002). *Songwriting for dummies*. New York: Wiley Publishing, Inc. Press.
- Pool, E., Brosch, T., Delplanque, S., & Sander, D. (2016). Attentional bias for positive emotional stimuli: A meta-analytic investigation. *Psychological Bulletin*, 142 (1), 79 –106.
- Rahmat Hidayat. (2014). Analisis semiotika makna motivasi pada lirik lagu “askar pelangi” karya Nidji. *eJournal Ilmu Komunikasi*, 2(1), 243-258.
- Santangelo, P. (2002). *Emotions, a social and historical phenomenon: Some notes on the Chinese case*. L’Atelier du Centre de recherches historiques [Online], 16 |2016, Online since 13 May 2016, connection on 10 August 2016. URL: <http://acrh.revues.org/7430>
- Scherer, K. R., & Zeniner, M. R. (2001). Emotional effects of music: Production Rules. In P. N. Juslin, & J. A. Slobodo (Eds.), *Music and emotion: theory and research* (p.p 361-386). New York: Oxford.
- Senarai Lagu Hari Raya. Daripada Wikipedia, ensiklopedia bebas. Capaian Mac 2016, daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_Lagu_Hari_Raya
- Sharil Nizam Sha’ri. (2013). Lagu raya: Malar segar mengusik emosi pendengar. *Dewan Bahasa*, 13(9), 38.
- Shaver, P. R., Morgan, H. J., & Shelley Wu. (1996). Is love a “basic” emotion? *Personal Relationships*, 3, 81-96.
- Ververidis, D, & Kotropoulos, C. (2006). Emotional speech recognition: Resources, features, and methods. *Speech communication*, 48 (9), 1162– 1181.
- Wan Mohd Hazim Wan Mohd Hashim. (2012). Memahami konsep aidil fitri. *Makalah Dakwah*, 15/ 7 September 2012.
- Whitman, B. (2005). *Learning the Meaning of Music*. Unpublished thesis Doctor of Philosophy. Program in Media Arts and Sciences, School of Architecture and Planning, Massachusetts Institute of Technology.